



**MENTERI SUMBER MANUSIA  
KENYATAAN MEDIA**

**KEMASUKAN PEKHIDMAT DOMESTIK INDONESIA KE MALAYSIA**

1. Mesyuarat Kumpulan Kerja Bersama antara Malaysia dan Indonesia sebagaimana yang digariskan dalam Memorandum Persefahaman (MOU) berhubung Pekhidmat Domestik Indonesia (PDI) telah selesai bersidang pada **27 Julai 2022**. Mesyuarat ini telah membincangkan isu-isu berkaitan dengan dasar dan teknikal dalam pelaksanaan MOU PDI yang telah ditandatangani pada 1 April 2022.
2. Susulan daripada mesyuarat ini, saya telah mengadakan pertemuan dengan TYT Ida Fauziah, Menteri Ketenagakerjaan Republik Indonesia di mana satu Kenyataan Bersama berhubung MOU PDI telah dibuat.
3. Kenyataan Bersama ini antara lain menyentuh isu saluran tunggal pengambilan dan penempatan PDI di Malaysia. Kedua-dua pihak Malaysia dan Indonesia telah bersetuju untuk **mengintegrasikan sistem sedia ada antara Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan Kedutaan Besar Republik Indonesia (KBRI) bagi pengambilan PDI**.
4. Integrasi sistem ini akan berperanan sebagai **saluran tunggal pengambilan dan kemasukan PDI ke Malaysia**. Sistem ini akan beroperasi dalam masa tiga minggu lagi di bawah pengawalseliaan Kumpulan Kerja Bersama Malaysia-Indonesia.
5. Bagi memastikan sistem saluran tunggal ini beroperasi dengan lancar, satu projek rintis akan dilaksanakan bagi tempoh tiga bulan sebaik integrasi sistem selesai. Oleh yang demikian, pihak Indonesia **bersetuju untuk menarik kembali sekatan kemasukan PDI dan Tenaga Kerja Indonesia (TKI) ke Malaysia bermula 1 Ogos 2022**.

6. Saya dan TYT Menteri Ketenagakerjaan Republik Indonesia turut berbincang mengenai isu pemerdagangan orang termasuk buruh paksa. Kami komited untuk meneruskan sesi libat urus dengan pihak-pihak berkepentingan dan memperkasakan hubungan dua hala antara Malaysia dan Indonesia bagi menangani isu ini.
7. Saya ingin merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Republik Indonesia terutama TYT Menteri Ketenagakerjaan dan pegawai-pegawai Kementerian Ketenagakerjaan, serta TYT Duta Besar Republik Indonesia dan Kedutaan Besar Republik Indonesia di Kuala Lumpur di atas kerjasama berterusan dalam pelaksanaan MOU PDI ini.
8. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada barisan pegawai daripada Kementerian Dalam Negeri termasuklah Jabatan Imigresen Malaysia serta Kedutaan Besar Malaysia di Jakarta atas sokongan dan komitmen dalam pelaksanaan MOU PDI.
9. Saya percaya penyelesaian isu-isu dalam MOU PDI ini akan mendorong kepada kelancaran kemasukan pekerja warga Indonesia ke Malaysia dalam sektor pekhidmat domestik mahupun sektor lain yang dibenar untuk penggajian pekerja warga asing.
10. Oleh itu, bagi para majikan yang mana kuota pekerja warga asing mereka telah diluluskan oleh Kementerian Sumber Manusia, mereka adalah diingatkan dan digesa untuk segera membuat bayaran levi dengan Jabatan Imigresen Malaysia. Bagi majikan yang ingin menggajikan pekerja warga Indonesia pula, mereka boleh membuat urusan pengambilan **mulai Isnin minggu hadapan.**

**DATUK SERI M. SARAVANAN**  
**MENTERI SUMBER MANUSIA**  
**JAKARTA, INDONESIA**  
**28 JULAI 2022**